

12 MAY 1997

Mahathir-Akhbar

PM HARAP AKHBAR ADIL DALAM LAPORAN MEREKA

GURUN, 12 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau mengharapkan media berlaku adil dan tidak berpihak ketika membuat laporan dalam mengutarakan sesuatu isu.

"Saya mengharapkan media berlaku adil. Saya tidak berkata media berpihak-pihak (tetapi) saya menyebut kamu tidak berlaku adil," katanya ketika ditanya pemberita untuk menjelaskan kritiknya terhadap media Malaysia yang dikatakan tidak menyebelahi kerajaan.

Beliau berkata demikian pada persidangan akhbar di Kompleks Perwaja Steel Sdn Bhd di sini selepas merasmikan kilang membuat "tiang dan bahagian keluli" yang berkeupayaan mengeluarkan 700,000 tan tiang, Jaluran dan sesudut keluli setahun.

Dr Mahathir mengulangi contohnya mengenai liputan media selepas penghakiman Mahkamah Tinggi Melaka yang mendapati bersalah Timbalan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng.

Anggota Parlimen Kota Melaka itu didapati bersalah dan didenda RM15,000 pada 28 April terhadap tuduhan menerbitkan risalah mengandungi fakta palsu dan menghasut orang ramai.

Pada persidangan akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Kuala Lumpur pada Sabtu lepas, Perdana Menteri membidas media kerana membuat liputan berlebihan terhadap isu Guan Eng, yang pada satu peringkat boleh dianggap kerajaan tidak demokratik dan mempunyai kawalan ke atas Mahkamah.

Hari ini, katanya: "Pandangan kita ialah kerajaan kalah dalam banyak kes di mahkamah ... kes-kes yang lebih serius tetapi tidak ada reaksi sebagaimana yang ditunjukkan media, terutama media asing, berhubung kes Guan Eng yang didenda lebih daripada RM2,000."

Dr Mahathir berkata beliau sedih apabila pihak tertentu membuat sindiran yang kerajaan tidak berlaku demokratik dan mahkamah berada dalam kawalan kerajaan.

"Dalam kes Umno, kami diisytihar sebagai parti haram ... sebuah parti yang membentuk kerajaan yang diisytihar haram (yang) tidak pernah berlaku dalam sejarah politik demokrasi di mana-manapun di dunia. Tetapi ia berlaku ke atas kami.

"Malangnya ada orang masih terus menuduh kami campur tangan dalam urusan mahkamah dan melakukan pelbagai perkara yang ganjil."

Katanya ada juga pihak yang menuduh Peguam Negara tidak berlaku adil dengan berpihak kepada kerajaan.

Tetapi, kata Dr Mahathir jika Peguam Negara tidak berlaku adil, mengapa beliau mengheret calon-calon Barisan Nasional, yang telah memenangi pilihan raya, hanya untuk diisytiharkan kemenangan mereka itu tidak sah.

Semasa ditanya sama ada kenyataannya mengenai media hanya akan menggalakkan media asing untuk terus menuduh kerajaan mengawal media tempatan, Dr Mahathir berkata tanpa beliau menyebutpun perkara itu, kerajaan akan terus dikritik.

"Kerajaan akan tetap dikritik tetapi kerajaan perlu memberikan pandangannya. Tidak ada sesuatupun yang dibuat kerajaan adalah betul," katanya.

Ketika ditanya sama ada beliau kecewa dengan media tempatan, Perdana Menteri berkata dalam hal-hal tertentu, beliau memang kecewa.

"Saya tidak mahu kata yang saya kecewa sepenuhnya tetapi tentunya saya amat kecewa dengan media asing. Mesti ada pertimbangan yang lebih wajar dan

laporan yang lebih baik dibuat media tempatan," katanya.

Ketika ditanya mengapa pemimpin-pemimpin parti yang lain tidak memberi reaksi terhadap kes Guan Eng, kecuali beliau sahaja, Dr Mahathir berkata mereka ada mengeluarkan kenyataan-kenyataan tetapi tidak dipakai oleh media.

"Itulah aduan mereka kepada saya ... bahawa kecuali Perdana Menteri membuat kenyataan, media tidak mengendahkan mereka," katanya.

-- BERNAMA

MFJ ahh